

RABU • 19.04.2017

ALAM AKADEMIK



TIMUR



ABD. Rahman Saif (teengah) menyerahkan sijil penghargaan yang diraih kumpulan Duta Jauhar UMP yang meraih anugerah terbaik di Universiti Kuala Lumpur MITEC, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.

Penuntut UMP menang perak

Oleh SETI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL

usuaraki@utusan.com.my

■ KUANTAN 18 APRIL

KUMPULAN Duta Jauhar Universiti Malaysia Pahang (UMP) di bawah Persatuan Anak-Anak Johor (kappa) menerima Anugerah Perak menerusi projek 'Program Pembangunan Ekonomi Kamuniti' pada Majlis Anugerah Kongres Duta Jauhar 3.0, baru-baru ini.

Majlis tersebut dirasmikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh di Universiti Kuala Lumpur MITEC, Pasir Gudang di Johor.

Penasihat Projek Duta Jauhar 3.0, Abd. Rahman Saif berkata, pengantaran majlis anugerah itu bagi memberi pengiktirafan dan

penghargaan terhadap usaha, tenaga dan komitmen para peserta serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.

"Program Duta Jauhar ini merupakan cetusan idea Menteri Besar Johor yang mahu mahasiswa anak-anak Johor yang mengikuti pengajian di seluruh negara melaksanakan projek bagi membantu masyarakat di negeri berkenaan.

"Ia antara lain bertujuan meningkatkan ekonomi rakyat Johor yang melibatkan penuntut universiti awam dan swasta untuk pulang berbakti kepada masyarakat berdasarkan kepakaran masing-masing," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Abd. Rahman yang juga Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Program Duta Jauhar diletakkan di bawah pe-

ngawasan Yayasan Pelajaran Johor (YPI) yang mematuhi tahun ketiga penganjurannya.

"Kita cukup berbangga dengan kejayaan penuntut yang meraih anugerah pada kali ini kerana dalam percubaan pertama di Anugerah Duta Jauhar 2.0, mereka mendapat pingat gangsa," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah program, Muhammad Alif Mahiddin, 23, berkata, segala usaha telah dilaksanakan melalui projek pembangunan usahawan tani hingga membuahkan hasil apabila melihat usahawan yang mereka bimbing kini berjaya meningkatkan pendapatan.

Katanya, projek yang dilaksanakan di Kampung Sepinang, Segamat, Johor itu berjaya meningkatkan pendapatan golongan asnaf antara RM500 hingga RM1,500 sebulan.